

Jual ikan kelah raih pendapatan RM6,000

um 3/8/2022 ms:29

HULU TERENGGANU: Percaturan seorang tukang rumah beralih bidang sebagai pembekal ikan kelah sejak dua tahun lalu berbaloi apabila mampu peroleh pendapatan hingga mencecah RM6,000 sebulan.

Syed Mohd. Zulfadli Syed Ali,32, dari Kampung Merbau Pulas, Ajil di sini berkata, segalanya bermula secara suka-suka setelah isteri, Roslaila Mustafa, 27, memintanya memelihara 'raja sungai' itu di dalam akuarium sebagai hiasan di rumah mereka pada lima tahun lalu.

"Kemudiannya saya beralih secara sepenuh masa membekal ikan kelah pada tahun 2020 setelah pekerjaan tukang rumah terjejas ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Melihat potensi besar pasaran, saya tidak lagi toleh ke belakang. Sekarang ini, saya memelihara kira-kira 1,000 ekor benih dan ikan kelah spesies kelah merah dan kelah bara," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Merbau Pulas, Ajil di sini, semalam.

Ikkan kelah yang dipelihara serta dirawat dijual bermula harga RM12 sehingga RM1,700 seekor.

Katanya, dia mendapatkan benih ikan kelah di sungai dan tasik di sini serta dibeli daripada penduduk setempat.

Tambahnya pada kebiasaannya benih ikan kelah dipelihara selama tempoh empat bulan manakala ikan



SYED Mohd. Zulfadli Syed Ali melihat ikan kelah yang dipeliharanya sebelum dijual di rumahnya di Kampung Merbau Pulas, Ajil, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

kelah yang agak besar saiznya dirawat antara dua minggu hingga sebulan sebelum dijual.

"Ikan kelah yang saya pelihara dan rawat ini diberi makan pelet khas berharga RM600 satu beg berat 15 kilogram. Syed Mohd. Zulfadli berkata, selain membuat penghantaran melalui perkhidmatan kurier pos laju ke seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak .